

Seminar Maya: Status Terkini Hakisan Pantai Malaysia : Trend, Pemantauan Hidrodinamik & Kerberkesanan Intervensi Semasa

CPD YANG DILULUSKAN : 3 JAM
REF.NO : IEM25/TER/602/S

Tarikh : 12 Januari 2026
Masa : 10.00 pagi - 1.00 petang
Platform : Zoom

Yuran pendaftaran:

- **Ahli IEM: RM50.00**
- **Bukan Ahli IEM: RM70.00**

Ringkasan :

Talk ini memberi gambaran komprehensif mengenai keadaan semasa hakisan pantai di Malaysia dengan menekankan trend jangka panjang, faktor penyebab, serta keberkesanan pelbagai strategi mitigasi yang kebiasaan dipraktikkan di Malaysia. Ia turut menghuraikan hubungan antara kenaikan aras laut, dinamik geomorfologi pantai, dan perubahan iklim global yang semakin memberi tekanan terhadap kestabilan zon pesisir. Melalui data nasional dan kajian hidrodinamik, pembentangan ini menunjukkan juga kawasan “hot-spot” hakisa negara, kategori hakisan, serta cabaran pengurusan yang dihadapi oleh agensi teknikal khususnya JPS.

Bahagian utama pembentangan menekankan pendekatan mitigasi hakisan Pantai melalui kaedah kejuruteraan (hard engineering dan soft engineering), perancangan guna tanah pantai, serta garis panduan teknikal seperti NCES, ISMP dan Garis Panduan JPS 1/97. Selain itu, pembentangan juga memberi pendedahan kepada beberapa projek mitigasi berskala besar yang sedang dan telah dilaksanakan oleh JPS di Terengganu, termasuk pembinaan breakwater, groyne, beach nourishment dan penanaman semula bakau dalam mengatasi isu hakisan yang kritikal.

Akhir sekali, pembentangan merumuskan hala tuju pengurusan pesisir yang menekankan keperluan pendekatan preventif, penglibatan pelbagai agensi, serta pembangunan pesisir yang berasaskan data dan kelestarian jangka panjang.



Ir. Wan Norshuhada binti Wan Khairuddin dilahirkan pada 1 April 1984 di negeri Kelantan. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 2007, diikuti dengan Sarjana Falsafah daripada Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT), UTM pada tahun 2019. Pada masa ini, beliau sedang melanjutkan pengajian di peringkat kedoktoran dalam bidang Maritime Engineering and Technology di Fakulti Kejuruteraan Kelautan (INOS) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Beliau memulakan kerjaya di Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada tahun 2008 sebagai Jurutera Awam Gred J41. Sejak awal perkhidmatannya, beliau telah terlibat secara langsung dalam pelbagai fungsi utama JPS, khususnya dalam bidang Kejuruteraan Pantai. Sejak tahun 2016, beliau berkhidmat di JPS Terengganu dan pernah memegang jawatan sebagai Ketua Unit Bahagian Pantai di JPS Negeri Terengganu.

Beliau menerima pentauliah sebagai Jurutera Profesional (PE) pada tahun 2018 dan merupakan panel temuduga PE yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Selain itu, beliau turut dianugerahkan status ASEAN Chartered Professional Engineer (ACPE).

Pada masa ini, beliau bertugas sebagai Jurutera Daerah Gred J12 di JPS Daerah Kuala Terengganu.

Jointly Organised by:
The Institution of Engineers, Malaysia
TERENGGANU BRANCH &
Project Management Technical Division (PMTD), IEM